

16 JUN 1997

Mahathir-Jambatan

JAMBATAN YANG DICADANGKAN MERENTANGI SELAT MELAKA TIDAK MEMBAZIR

By: Mokhtar Hussain

ISTANBUL, 16 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata jambatan yang dicadangkan merentangi Selat Melaka bagi menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sumatera di Indonesia akan direka bentuk sebaik mungkin supaya ia boleh digunakan untuk memberi faedah maksimum kepada kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata jambatan itu akan direka bagi membolehkan ia digunakan bukan sahaja untuk laluan kenderaan tetapi juga keretapi serta penyaluran bekalan elektrik dan gas.

"Kalau dapat dibina, ia bukan sahaja dapat mewujudkan hubungan kereta dan keretapi tetapi mungkin dapat menyalurkan elektrik antara Sumatera dengan Malaysia serta mungkin boleh dilengkapi dengan saluran paip gas," katanya kepada wartawan Malaysia di sini.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berada di bandaraya bersejarah ini untuk menghadiri persidangan kemuncak kumpulan lapan negara membangun Islam (D-8) semalam.

Dalam pertemuannya dengan Presiden Suharto di sini semalam, Dr Mahathir telah menyampaikan hasrat Malaysia untuk membina jambatan itu dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pemimpin Indonesia itu yang sekali gus menyatakan kesediaan Jakarta untuk bekerjasama.

Ketika ditanya sama ada ini boleh dianggap sebagai sebuah lagi projek mega, Dr Mahathir berkata: "Saya kurang faham tentang projek mega. Kalau dibuat di negara lain, ia nampak kecil. Bila kita buat, ia nampak besar."

Katanya, segala projek yang dirancang adalah untuk tujuan membangunkan negara.

"Kalau saya buat umpamanya patung saya yang tinggi 100 meter dan diletak di tengah Kuala Lumpur, itu mungkin membazirlah," katanya.

Menurutnya, seperti juga pembinaan lapangan terbang, kerajaan perlu memikir jauh ke hadapan dan membuat jangkaan mengenai keperluan ketika itu.

"Bila kita rancang, kita tidak boleh merancang untuk tahun 1998 atau 2000 tetapi hingga 2050," katanya.

Perdana Menteri berkata projek-projek seperti itu, termasuk pembinaan jambatan di Selat Melaka akan dilaksanakan oleh swasta kerana mereka lebih memahami cara membangunkannya dan mendapatkan pulangan.

"Jika diharapkan kepada kerajaan semata-mata, projek seperti bandaraya pintar Cyberjaya, Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang tidak akan naik," katanya.

"Kerajaan tidak akan mengambil bahagian dalam soal pembinaan jambatan itu. Ia akan diserahkan kepada swasta," kata beliau.

Menurutnya, kajian pembinaan jambatan itu sedang dilakukan termasuk mengenai lokasinya.

Selain laluan udara, Semenanjung Malaysia dan Sumatera kini dihubungkan melalui perkhidmatan feri seperti antara Melaka dan Dumai. -- BERNAMA

MOK NMO